


WEBINAR”- Step by Step Application Guide: ERASMUS+ Grant



DISEDIAKAN OLEH: DR. AINORKHILAH MAHMOOD & INTAN SYAFFINAZZILLA ZAINE

Webinar - Step by Step Application Guide: ERASMUS+ Grant telah berlangsung dengan jayanya pada 11 Jun 2020 di pelantar Google Meet apabila disertai oleh 129 peserta dari pelbagai cawangan UiTM seperti Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Johor, Sarawak, Selangor, Kedah dan lain-lain. Webinar selama hampir tiga (3) jam ini merupakan salah satu usaha berterusan daripada pihak Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Sains Gunaan dan Fakulti Sains Kesihatan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta tentang teknik penulisan dan proses permohonan geran penyelidikan antarabangsa ERASMUS+. Webinar ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Shahrizan Zainal Abidin, Project Manager, Making 4.0 Project for UiTM Research Group under ERASMUS+ (KA2-CBHE) di Google Meet ID: <https://meet.google.com/dqb-qiad-rmh>.


Objektif webinar ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta tentang teknik penulisan geran penyelidikan ERASMUS+ serta proses permohonan geran ERASMUS+. Objektif ini adalah seiring dengan dengan visi UiTM yang melestarikan pendapatan universiti melalui geran penyelidikan antarabangsa/industri yang berimpak di samping membantu ketampakan UiTM di peringkat global secara amnya. Webinar ini berjaya menyediakan maklumat dan bahan terkini serta perkongsian pengalaman berkaitan dengan teknik penulisan geran penyelidikan antarabangsa ERASMUS+ berdasarkan pengalaman pakar akademik yang telah berjaya memperolehi geran tersebut.



Rajah 1: Siaran webinar di Research Garden, UiTM Cawangan Pulau Pinang



Rajah 2: Siaran webinar dari pandangan peserta Work from Home



Rajah 3: 129 peserta dari pelbagai cawangan UiTM seperti Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Johor, Sarawak, Selangor, Kedah dan lain-lain.